

## **Mediasi Aktif Dalam Pengasuhan Digital Ke Atas Perkembangan Kanak-kanak**

Dayangku Egawaty Binti Awang Yusof  
[dayangkuegawaty@gmail.com](mailto:dayangkuegawaty@gmail.com)  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

Chang Peng Kee  
[Chang@ukm.edu.my](mailto:Chang@ukm.edu.my)  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

Mohd Azul Mohamad Salleh  
[azul@ukm.edu.my](mailto:azul@ukm.edu.my)  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

Rachel Chan Suet Kay  
[rachelchansuetkay@ukm.edu.my](mailto:rachelchansuetkay@ukm.edu.my)  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*

### **ABSTRAK**

Kertas ini membincangkan kepentingan mediasi aktif terhadap pengasuhan digital ke atas perkembangan kanak-kanak. Mediasi aktif merupakan komunikasi yang melibatkan proses perbualan atau percakapan dua hala di mana kedua belah pihak iaitu ibu bapa dan anak memberikan respon terhadap sesuatu informasi yang disampaikan. Ibu bapa berkomunikasi dengan anak bagi mengenal pasti kefahaman, sikap, tingkah laku dan tindakan anak sama ada mereka bersetuju atau tidak ke atas sesuatu isu. Selain itu, tidak dapat dinafikan juga bahawa mediasi aktif merupakan salah satu bentuk amalan ibu bapa yang sangat penting kerana ia boleh mempengaruhi tingkah laku, sikap, dan pemikiran seseorang anak yang menggunakan peranti digital. Tanpa disedari, mediasi aktif menjadi pelengkap kepada pengasuhan digital, iaitu ibu bapa mengasuh anak mereka dengan menggunakan peranti digital di mana perkembangan teknologi digital termasuklah penggunaan peranti digital yang pesat pada masa kini memberikan kesan ke atas cara pengasuhan. Tambahan pula, perkembangan kanak-kanak seawal usia enam bulan seperti kognitif, sosial dan fizikal adalah berhubung kait dengan keberkesanan amalan mediasi aktif terhadap pengasuhan digital yang diberikan oleh ibu bapa. Terdapat kajian lepas yang membincangkan mediasi aktif dari sudut tingkah laku dan sikap, tetapi fokus perbincangan tersebut hanyalah berkisar kepada kanak-kanak sekolah rendah dan remaja serta hanya terdapat sedikit sahaja kajian terhadap kanak-kanak seawal usia enam bulan sehingga lima tahun. Oleh yang demikian, mediasi aktif dalam pengasuhan digital perlu diberikan penekanan kerana ia merupakan perkara penting bagi ibu bapa dalam memastikan anak seawal usia enam bulan dapat memahami kepentingan komunikasi seterusnya mendisiplinkan mereka apabila menggunakan peranti digital.

**Kata Kunci:** *Pengasuhan Digital, Mediasi Pengasuhan, Mediasi Aktif, Ibu bapa, Perkembangan Kanak-kanak*

## Active Mediation in Digital Parenting on Children Development

### ABSTRACT

This paper discusses the importance of active mediation of digital parenting on children development. Active mediation is communication of conversation or conversation between two parties which is parents and children respond to the information presented. Parents communicate because they want to dominate children understanding, the attitude, behaviour and actions whether they devise or not on an issue. In addition, there is no denying that active mediation is one of the most important forms of parental practice because it can influence the behavior, attitudes, and thoughts of a child using digital devices. Without realizing it, active mediation is a complement to the digital upbringing of parents who raise their children using digital devices, where the development of digital technology including the rapid use of digital devices nowadays has impact on parenting methods. Furthermore, the development of children as early as six month of age such as cognitive, social and physical is related to the effectiveness of active mediation practices on digital parenting provided by parents. Previous studies have discussed active mediation in term of behavior, attitudes but the focus of discussion only revolves around primary school and adolescent and there are few studies on children as young as six months to five years old. Therefore, active mediation in digital parenting gives more emphasis because it is very important for parents in ensuring that children as young as six months old to understand the importance of communication to discipline them while using digital devices.

**Keywords:** *Digital Parenting, Parental Mediation, Active Mediation, Parents, Children development*

### PENGENALAN

Dalam era globalisasi ini, kepesatan pembangunan teknologi komunikasi telah membawa banyak perubahan di seluruh negara. Kemajuan teknologi komunikasi dilihat sangat penting bagi melengkapkan kehidupan seharian manusia selaras dengan peredaran zaman. Hampir setiap saat orang menggunakan teknologi komunikasi yang membolehkan kita menguasai dan mengawal setiap perkara di hujung jari sahaja (A. Razak Ahmad, 2011). Kemajuan ini telah mendatangkan banyak manfaat kepada individu, masyarakat dan negara.

Teknologi komunikasi telah menjadikan kegunaannya dalam kehidupan seharian manusia menjadi sangat penting, terutamanya dalam kalangan ibu bapa terhadap anak. Melalui teknologi komunikasi, maklumat begitu mudah untuk diperoleh dan akses kepada media sosial, hiburan, pendidikan, permainan video dan sebagainya juga mudah. Perkembangan teknologi yang terdapat pada hari ini menjadikan ibu bapa lebih gemar memberikan peranti digital kepada anak mereka. Tambahan pula, teknologi ini juga turut menjadi sebahagian daripada kehidupan kanak-kanak zaman kini (Subrahmanyam & Greenfield, 2008).

Di Malaysia, kanak-kanak membesar dalam dunia interaktif yang sangat berkembang pesat. Sudah menjadi kelaziman masa kini bahawa kebanyakan ibu bapa memberikan peranti digital kepada anak mereka sebagai alat pengasuhan. Mereka berpendapat bahawa dengan memberikan pengasuhan menggunakan peranti digital, ia mampu merangsang pemikiran anak dan memudahkan kerja seharian. Disebabkan itu, ia menjadikan kanak-kanak terasuh dengan dunia teknologi yang berkembang maju melalui pengasuhan digital.

Pengasuhan digital bermaksud ibu bapa memberikan peranti digital kepada anak sebagai medium pengasuhan. Pengasuhan ini mula diadaptasi sejak media digital dan peranti digital digunakan dalam kehidupan seharian sebagai pengantara. Antara peranti digital yang digunakan adalah seperti telefon pintar dan tablet khususnya dalam dunia media kanak-kanak masa kini (Kucirkova et al. 2014). Pengasuhan digital ini telah mempengaruhi dan menjadi satu budaya di rumah, sekolah, tempat kerja, dan masyarakat (Rideout et al. 2011) serta

menjadi satu fenomena kepada ibu bapa yang mengasuh anak berusia seawal enam bulan. Pengasuhan digital yang betul dan positif sangat penting dalam perkembangan kanak-kanak seawal usia enam bulan sehingga lima tahun (McGowan, 2016).

Sebahagian besar daripada kepintaran atau kebijaksanaan seorang kanak-kanak dalam menggunakan peranti digital dengan baik adalah berhubung kait dengan mediasi aktif. Mediasi aktif adalah amalan mediasi pengasuhan yang diamalkan oleh ibu bapa dengan memberikan pengasuhan digital kepada anak mereka melalui penggunaan peranti digital. Dalam masa yang sama, ia juga melibatkan komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak melalui perbualan, percakapan dan perbincangan. Ini kerana, mediasi aktif yang positif dapat membina perkembangan kanak-kanak dengan baik kerana ia merupakan amalan yang melibatkan hubungan kerjasama dalam komunikasi interpersonal di antara ibu bapa dan anak melalui penggunaan peranti digital (Schaan & Melzer, 2020).

Komponen utama dalam sesbuah komunikasi adalah pengaliran informasi, komunikasi dan interaksi kemanusiaan. Oleh itu, penjelasan ini secara tidak langsung mencerminkan kebenaran pandangan sarjana komunikasi dan pengurusan yang menegaskan bahawa komunikasi perlu menjadi teras dalam kehidupan berkeluarga (Safinah et al. 2019).

## **MEDIASI AKTIF**

Mediasi aktif adalah komunikasi yang melibatkan perbualan, perbincangan, komunikasi interpersonal dan kepentingan dialog antara ibu bapa dan anak. Ia adalah salah satu amalan mediasi pengasuhan dan merupakan strategi kepada ibu bapa untuk memberikan sokongan moral dan sosial serta menekankan anak mereka supaya berfikiran kritis dan kognitif dalam pendidikan media (Livingstone et al. 2017).

Mediasi pengasuhan bermaksud cara pengasuhan ibu bapa terhadap anak dengan menggunakan media (Livingstone & Helsper, 2008). Mediasi pengasuhan ini mengetengahkan kepentingan komunikasi interpersonal antara ibu bapa dan anak melalui penggunaan peranti digital. Ianya juga mengetengahkan kepentingan interaksi ibu bapa dan anak dalam penggunaan media supaya kesan negatif media terhadap perkembangan kesihatan fizikal, psikologi dan emosi anak dapat dikurangkan. Sehubungan dengan itu, mediasi aktif merupakan salah satu amalan mediasi pengasuhan yang sangat baik untuk diamalkan semasa ibu bapa memberikan pengasuhan digital. Dengannya, ia dapat memberi kebaikan terhadap perkembangan kognitif, fizikal, sosial dan emosi anak.

Seterusnya, Hoover, Clark dan Alters (2004) turut menjelaskan bahawa mediasi aktif merupakan komunikasi atau percakapan ibu bapa dengan anak melalui media pendidikan bagi tujuan kognitif. Komunikasi antara ibu bapa dan anak sangat penting untuk mewujudkan hubungan sosial yang baik dengan orang sekeliling terutamanya dalam hubungan sosial antara ibu bapa dan anak. Penguasaan komunikasi yang baik seperti bercakap secara berdepan dan bertentang mata mampu meningkatkan keberkesanan penyampaian sesuatu mesej. Selain itu, penguasaan komunikasi dalam percakapan juga memudahkan ibu bapa dalam proses mengajar anak mereka mengenai media pendidikan kerana ibu bapa akan bersemuka dan bercakap secara baik dengan anak.

Ibu bapa sebenarnya mempunyai pelbagai cara untuk mengamalkan mediasi aktif bagi berkomunikasi dengan lebih berkesan dengan anak seawal usia enam bulan hingga lima tahun walaupun dengan memberikan mereka pengasuhan digital (Sasson & Mesch, 2019). Ibu bapa akan lebih mudah memberikan pengasuhan digital dengan cara bersoal jawab dengan anak, memberi bimbingan terhadap pendidikan seperti akademik melalui peranti digital, cara berfikir dan perkongsian pengalaman dan sebagainya. Ini menjelaskan bahawa mediasi aktif yang

berkesan ialah komunikasi yang melibatkan percakapan di antara dua pihak iaitu ibu bapa dan anak yang saling mengambil perhatian ketika bercakap.

Kajian lepas yang dijalankan oleh Chen dan Chng (2016), bertajuk *active and restrictive parental mediation over time: Effects on youths' self-regulatory competencies and impulsivity*, dengan kaedah pengambilan sampel kluster dua tahap yang digunakan untuk memilih 14 sekolah rendah dan 14 sekolah menengah secara rawak untuk menyertai tinjauan dalam talian selama tiga tahun berturut-turut. Umur pelajar berumur antara lapan hingga sebelas tahun pada tahun pertama. Sampel bermula sebanyak 3079 pada tahun pertama dan berakhir dengan sebanyak 1086 pada tahun ketiga. Hasil kajian mendapati bahawa mediasi aktif yang diamalkan oleh ibu bapa menunjukkan kesan yang lebih baik berbanding mediasi yang lain seperti mediasi sekatan dari masa ke semasa. Mereka juga mendapati bahawa tahap awal mediasi aktif yang baik memerlukan banyak komunikasi oleh ibu bapa terhadap anak dan mungkin merupakan petunjuk untuk penglibatan ibu bapa dalam aktiviti penggunaan peranti digital anak dari usia muda lagi.

Komunikasi interpersonal yang baik antara ibu bapa dan anak dalam pengasuhan digital memberikan peluang kepada mereka untuk berbincang atau berkongsi pengetahuan dengan baik semasa menggunakan peranti digital. Perkara ini disokong oleh Beck dan Wood (1993) yang menjelaskan bahawa mediasi aktif melalui komunikasi interpersonal iaitu perbincangan antara ibu bapa dan anak dapat bertindak sebagai sokongan moral supaya berfikiran kritis. Walau bagaimanapun, komunikasi interpersonal ibu bapa ini memerlukan perbincangan yang melibatkan aktiviti secara sosial bersama anak ketika pengasuhan digital berlangsung, seperti contoh memberikan perhatian kepada anak. Perbincangan yang melibatkan aktiviti media semasa atas talian dapat membantu perkembangan otak anak dengan baik kerana mereka boleh memperoleh ilmu pengetahuan yang membantu pemikiran untuk berfikir dengan lebih matang, kritis dan berusaha untuk menimba ilmu dengan lebih luas. Justeru, ia mampu membentuk keyakinan dan kepercayaan dalam jiwa anak terutamanya anak di usia seawal enam bulan.

Seterusnya, Isaacs dan Koerner (2008) pula menyatakan bahawa mediasi aktif dengan komunikasi yang tegas mampu mendisiplinkan dan menjaga tingkah laku kanak-kanak. Ini kerana, ia dapat membentuk nilai peribadi, pemikiran dan emosi mereka dengan baik semasa pengasuhan digital. Komunikasi yang tegas adalah penting dalam pengasuhan digital agar mereka sentiasa mendengar arahan atau peraturan yang ditetapkan oleh ibu bapa ketika menggunakan peranti digital. Selain itu, ia juga dapat membantu mereka untuk bersikap lebih patuh dan menjaga tingkah laku dengan baik sama ada ketika menggunakan peranti digital bersama ibu bapa atau secara bersendirian (Lopez & Haddon, 2018).

Oleh itu, ibu bapa seharusnya bijak bermain psikologi melalui cara perbualan seperti bertanyakan soalan tentang kandungan atau program di dalam peranti digital yang digunakan oleh anak mereka. Ini kerana, perbualan merupakan suatu amalan mediasi aktif bagi ibu bapa untuk menjelaskan dan membincangkan aspek kandungan yang diingini serta kelakuan penggunaan media yang sesuai (Wonsun, Jisu & Ronald, 2012). Ibu bapa digalakkan untuk berkomunikasi secara terbuka bersama anak dengan mengekalkan nada atau intonasi suara yang baik agar dapat memberikan keyakinan dan kepercayaan dalam hubungan kekeluargaan. Dengan itu, seseorang anak akan berasa lebih selesa untuk berkomunikasi dan berinteraksi seperti bertanya dan berbincang dengan ibu bapa mereka pada masa akan datang.

## **INTERAKSI DAN PERKEMBANGAN SOSIAL KANAK-KANAK**

Mediasi aktif memainkan peranan penting terhadap interaksi antara ibu bapa dan anak terutamanya dalam pengasuhan digital. Ini kerana, interaksi sosial merupakan perkara penting dalam sesebuah organisasi kekeluargaan dan ia berfungsi sebagai medium penyaluran dan

perkongsian maklumat di antara dua pihak terutamanya ibu bapa dan anak. Ia juga merupakan satu proses sosialisasi dan pendidikan yang dilalui oleh mereka sehingga dewasa. Proses penyaluran dan perkongsian maklumat ini bermula seawal kelahiran seseorang anak.

Bloom (1964) menyatakan bahawa hampir 90 peratus perkembangan otak kanak-kanak berlaku dengan pantas seawal mereka berumur bawah empat tahun. Hal ini disokong oleh Rusmailani dan Fatimah (2013) yang menjelaskan bahawa bahawa otak kanak-kanak di bawah umur empat tahun mengandungi 100 bilion sel saraf (neuron) yang mana akan membina perhubungan (sinaps) apabila sel-sel tersebut dirangsang. Hasil ini menunjukkan bahawa peringkat awal kanak-kanak adalah satu tempoh formatif dan ia meliputi setiap detik dalam pembangunan atau perkembangan setiap individu. Sehubungan dengan itu, perkembangan bermaksud proses yang berlaku sepanjang masa yang dilalui oleh kanak-kanak dan semasa dalam proses ini, akan berlaku perubahan kepada seseorang individu hasil daripada interaksi antara faktor genetik yang diwarisi dan pengaruh persekitaran (Doherty & Brennan, 2008).

Perkembangan sosial merupakan satu proses apabila seseorang kanak-kanak belajar berhubung dengan orang lain mengikut cara yang diterima oleh masyarakat dan budayanya (Noryusmania, 2012). Perkembangan sosial kanak-kanak adalah terdiri daripada kemahiran berinteraksi dengan orang lain, pembentukan identiti, penghargaan diri dan kawalan kendiri. Proses perkembangan sosial ini melibatkan cara berfikir tentang kendiri, orang lain dan perhubungan sosial di mana proses perhubungan sosial ini bermula sejak seseorang itu dilahirkan.

Namun begitu, kepesatan teknologi moden dalam bidang komunikasi telah mengubah proses perhubungan sosial terutamanya antara ibu bapa dan anak. Secara tidak langsung, ianya juga telah melebarkan jurang interaksi antara mereka seterusnya menjadikan rangsangan perbualan di antara orang dewasa dan kanak-kanak tidak berlaku. Fenomena ini sangat berleluasa dan amat bertentangan dengan nilai norma kekeluargaan dalam kehidupan bermasyarakat kerana interaksi aktiviti teknologi ini sama sekali tidak boleh menggantikan interaksi sesama manusia terutamanya terhadap ibu bapa dan anak.

Melihat pada ketika dahulu, secara tradisinya interaksi ibu bapa dan anak berlaku secara bersemuka tetapi kini, pelbagai medium komunikasi teknologi moden telah pun mengambil alih dari segi corak interaksi dalam kalangan ahli keluarga. Kanak-kanak masa kini lebih suka melayari internet, bermain peranti digital dan sebagainya berbanding dengan berinteraksi dengan ahli keluarga dan alam sekeliling. Hal ini tanpa sedar menjadikan peranti digital memberikan impak negatif terhadap komunikasi dan hubungan sosial iaitu interaksi dengan ibu bapa, orang dewasa, rakan sebaya dan orang sekeliling semakin berkurangan.

Oleh itu, ibu bapa seharusnya memainkan peranan yang penting dalam mengamalkan mediasi pengasuhan yang berkesan seperti mediasi aktif apabila memberikan pengasuhan digital. Ini kerana, apabila ibu bapa telah bersedia memberikan pengasuhan digital, maka ibu bapa perlu bersedia untuk mula memberikan amalan mediasi aktif iaitu berkomunikasi secara baik dengan anak mereka. Ibu bapa juga perlu mengamalkan mediasi pengasuhan lain yang lebih efektif dan efisien sebagai persediaan semasa atau sebelum memberikan pengasuhan digital kepada anak yang berusia seawal enam bulan sehingga lima tahun.

## **PERKEMBANGAN TEKNOLOGI DIGITAL**

Pada hari ini, kita telah menyaksikan pertumbuhan teknologi rangkaian mudah alih yang telah memperluaskan jangkauan internet ke persekitarannya. Secara amnya, teknologi digital adalah satu sistem komunikasi yang berdasarkan komputer (*computer-based communication system*) (William & Sawyer, 2011). Kewujudannya membolehkan maklumat disebarluaskan melalui cara menerima dan menghantar di antara peralatan-peralatan yang berteraskan teknologi dengan

cepat, mudah dan pada bila-bila masa sahaja. Ia telah membawa transformasi dalam industri media dan sering menjadi topik perbincangan utama para sarjana. Ini kerana, teknologi memainkan peranan yang sangat besar dalam mempengaruhi keadaan ekonomi dan perniagaan bagi sesebuah organisasi media.

Hal ini disokong oleh Albaran (2004) yang mengatakan bahawa teknologi sangat penting bagi sesebuah organisasi media kerana proses penghasilan sesebuah produk media yang merangkumi proses pengeluaran, pengedaran, termasuk bentuk kandungan media itu sendiri sangat bergantung kepada teknologi. Melihat kepada perubahan dan perkembangan yang berlaku di dalam industri seperti surat khabar, buku, radio, televisyen dan telefon seumpamanya, sememangnya ia telah banyak dipengaruhi oleh perubahan dan kemajuan yang telah dibawa oleh arus teknologi.

Sehubungan dengan itu, Albaran (2004) juga mengatakan bahawa terdapat tiga perkembangan utama teknologi yang berperanan penting dalam kehidupan manusia. Perkembangan pertama adalah berkait rapat dengan kemajuan teknologi komputer di mana ia sangat memberikan kesan kepada tahap kecekapan pekerjaan manusia dalam pelbagai bidang. Daripada hal yang berkaitan seperti pekerjaan sehingga kepada komunikasi, teknologi komputer banyak membantu memudahkan urusan sehari-hari. Dengan kewujudan surat maya seperti e-mel pula, ia turut mempercepatkan proses komunikasi dalam kalangan masyarakat sama ada dalam perkara berkaitan hal-hal yang formal ataupun tidak formal.

Seterusnya, menurut Feather (2008), penciptaan komputer sangat berkait rapat dengan cara ingin tahu secara saintifik (*scientific curiosity*) untuk tujuan ketenteraan semasa Perang Dunia Kedua. Namun, selepas Perang Dunia Kedua, teknologi komputer telah berkembang dengan pesat dan ia memberikan kesan pada sekitar tahun 1980-an dan 1990-an. Komputer telah menjadi teknologi yang begitu penting kepada masyarakat dan digunakan untuk tujuan pekerjaan dan kegunaan persendirian seperti untuk hiburan. Pada masa yang sama juga, usaha untuk membawa teknologi komputer ke dalam alat perhubungan yang lebih kecil diteruskan demi memenuhi kehendak pasaran dunia. Keadaan ini mewujudkan syarikat seperti *IBM*, *Microsoft* dan *Apple* (Hesmondhalgh, 2013). Justeru itu, pada masa kini teknologi komputer mudah untuk didapati di dalam bentuk peranti digital seperti telefon pintar, tablet dan sebagainya.

Creeber dan Martin (2008) mengatakan bahawa teknologi internet telah muncul lebih awal daripada komputer iaitu pada sekitar tahun 1950-an dan 1960-an. Tetapi, ianya hanya mula mendapat perhatian orang ramai pada sekitar 1994 apabila kemunculan *Mosaic Web Browser* dan *World Wide Web* (In, 2007). Pada awalnya, internet dicipta bagi tujuan ketenteraan dan untuk mempertahankan negara apabila wujudnya ARPANET. ARPANET adalah rangkaian komputer pertama yang dikendalikan oleh *Advance Research Projects Agency* (ARPA) di bawah seliaan Pentagon dan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat yang menghubungkan Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat dengan penyelidik-penyelidik di Universiti (Pavlik, 1996).

Namun begitu, pertumbuhan internet di Malaysia adalah berbeza dengan negara barat seperti Amerika Syarikat di mana ia bukan bermula untuk tujuan ketenteraan dan pertahanan negara, tetapi bertujuan untuk penyelidikan dan komunikasi (Adnan & Kamliah, 2000). Menurut mereka lagi, hal ini dapat dilihat dari segi agensi yang bertanggungjawab dalam mengambil inisiatif untuk membangun infrastuktur internet. Di Malaysia juga, perkembangan teknologi ini bermula dalam komuniti institusi pengajian tinggi melalui ahli akademik, penyelidik, pelajar dan kakitangan pentadbiran merupakan golongan terbesar dan paling awal terdedah kepada internet serta paling meluas dalam menggunakan teknologi ini. Tambahan pula, peluang untuk mengakses internet adalah lebih tinggi bagi komuniti di institusi pengajian tinggi.

Seterusnya, seiring dengan perkembangan teknologi komputer juga, perubahan dalam bentuk kandungan media dan bagaimana ia disebarluaskan kepada khalayak turut dipengaruhi oleh kemajuan teknologi dari masa ke semasa. Hal ini disokong oleh Albaran (2004) yang menyatakan bahawa perubahan tersebut berkait rapat dengan perkembangan teknologi yang kedua iaitu peralihan bentuk kandungan dan cara ia disebarluaskan daripada sistem berbentuk analog kepada digital. Ia juga turut dijelaskan oleh Hesmondhalgh (2013) yang mengatakan bahawa perkembangan ini dapat dilihat melalui penukaran (*conversion*) beberapa komponen dalam komunikasi dan ekspresi budaya seperti kata-kata, imej, bunyi dan muzik yang sebelum ini hanya disebarluaskan melalui sistem berbentuk analog. Namun begitu, pada masa kini ia boleh dibaca dan disimpan di dalam komputer setelah kandungan tersebut ditukar kepada kod digital ataupun *binary codes*. Oleh itu, ia telah menjadi lebih mudah dialih dan dimanipulasikan berbanding sebelum ini. Perkembangan dan kemajuan tersebut telah banyak mempengaruhi apa yang berlaku di dalam industri pada hari ini.

Kemudian, perkembangan teknologi yang ketiga adalah berhubungan dengan kemunculan internet. Internet telah menjadi salah satu saluran yang begitu penting di seluruh dunia dalam penyebaran maklumat selain digunakan secara meluas untuk aktiviti komersial dan bukan komersial. Hesmondhalgh (2013) pula menyatakan bahawa perkembangan internet sememangnya merupakan antara topik utama yang sering dibincangkan dalam kajian yang berkaitan dengan industri media di mana ia dicipta bertujuan untuk bertukar maklumat tekstual ataupun informasi. Selain itu, Albaran (2004) juga mengatakan bahawa kemunculan *World Wide Web* telah memberikan kelebihan visibiliti kepada syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan di mana mereka boleh membina laman web mereka sendiri untuk menarik minat pengguna dan memudahkan mereka untuk berhubung antara satu sama lain. Hal ini telah memberikan kesan dalam membina dan meningkatkan pembangunan jenama terhadap perniagaan mereka.

Seterusnya, telefon pintar yang merupakan alat sofistikated, dinamik dan bersifat mudah alih turut memberi ruang kepada pengguna untuk mendapat akses maklumat tidak kira bila dan di mana (Al-Barashdi et al. 2015). Kapasiti telefon pintar yang mampu beroperasi seperti komputer memberi banyak kemudahan kepada pengguna sekali gus meningkatkan tahap pemilikan telefon pintar serta cara dan tujuan penggunaannya (Lay-Yee et al. 2013). Selain itu, menurut Weinberg (2012) pula, kemudahan untuk merakam gambar dan video serta kewujudan pelbagai aplikasi yang boleh diakses turut menyumbang kepada meningkatkan penggunaan telefon pintar. Harmeet (2009) menyatakan bahawa Steve Job pernah berkata semasa pelancaran iPhone:

*We define everything that is on the phone. You don't want your phone to be like a PC. The last thing you want is to have loaded three apps on your phone and then you go to make a call and it doesn't work anymore. These are more like iPods than they are like computers... These are devices that need to work, and you can't do that if you load any software on them. That doesn't mean there's not going to be software to buy that you can load on them coming from us. It doesn't mean we have to write it all, but it means it has to be more of a controlled environment.*  
 (pp. 106)

iPhone merupakan produk keluaran daripada syarikat Apple yang telah cipta oleh Steve Job. Steve Jobs telah berhasil “mengubah dunia” melalui iPhone yang dicipta pada tahun 2007 di mana beliau menghasilkan tiga produk hebat iaitu iPod berlayar lebar, telefon selular dan perangkat komunikasi internet ke dalam satu produk bernama iPhone. Beliau berjaya melahirkan suatu produk canggih yang memiliki semuanya dalam satu produk di mana di dalamnya, ia memuatkan tiga aplikasi pada sebuah telefon. Ia telah menjadi kejayaan terbesar

yang mempunyai kuasa pasaran dan Apple menentukan istilah terhadap pembawaannya dan membuka seni bina iPhone (Andy, 2007).

Melalui penggunaan telefon pintar, banyak aktiviti dapat dilaksanakan termasuklah perkongsian maklumat, komunikasi, pelayaran internet, penghasilan dan pengeditan dokumen serta pelbagai aktiviti lain (Al-Barashdi et al. 2015). Oleh itu, dengan kemunculan pelbagai aplikasi pada telefon pintar, ia menjadi popular dalam kalangan pengguna khususnya untuk tujuan sosialisasi seterusnya mampu meningkatkan komunikasi (Hong et al. 2012).

## **KOMUNIKASI DIGITAL DALAM PENGGUNAAN PERANTI DIGITAL**

Tidak dapat dinafikan bahawa persekitaran pembelajaran, pekerjaan, rumah mahupun tempat berurusan sehari-hari menjadikan komunikasi sangat penting. Komunikasi merupakan kewajipan yang perlu dilakukan oleh setiap orang untuk menyampaikan maklumat, informasi terkini dan bertukar pendapat. Ia boleh dilakukan melalui pelbagai cara dan keadaan bergantung kepada peredaran zaman. Sejajar dengan perkembangan teknologi digital masa kini, ia telah mengubah cara dan sikap seseorang untuk berkomunikasi terutamanya dalam kalangan rakyat di Malaysia. Hal ini disokong oleh Lee-Post (2009) yang menyatakan bahawa internet juga telah mengubah cara manusia berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain.

Bentuk komunikasi manusia sentiasa melalui perubahan hasil perkembangan teknologi atau revolusi komunikasi berbentuk struktural dan teknikal (Van Dijk, 2006). Bentuk komunikasi yang lebih spesifik seperti secara lisan, tulisan, percetakan dan telekomunikasi juga mempengaruhi kehidupan berkomunikasi masyarakat keseluruhannya. Brody (1990) menjelaskan bahawa komunikasi manusia telah memasuki fasa kelima di mana ia menekankan kepada komunikasi interaktif yang ditandai dengan teknologi berasaskan internet dan pengkomputeran lalu menghasilkan media baharu. Seterusnya, era media kedua pula mula mengambil tempat (Poster, 1995) di mana media ini telah mengabungkan kewujudan teknologi komputer dan maklumat, rangkaian komunikasi dan kandungan media digital.

Melalui pengabungan teknologi tersebut, maklumat yang diterima dan terhasil adalah berbeza dengan teknologi pada era cetak atau penyiaran kerana media baharu ini mempunyai ciri-ciri seperti rangkaian digital, capaian global, interaktiviti dan komunikasi ramai melalui penggabungan semua elemen komunikasi secara lisan, tulisan, visual, data, dan bunyi dengan menggunakan komputer serta alat telekomunikasi lalu menyatukannya dalam satu platform (Holmes, 2005). Teknologi komunikasi ini juga disebut sebagai komunikasi digital.

Penggunaan teknologi telah mempengaruhi cara bagaimana manusia berkomunikasi bukan sahaja di negara barat tetapi juga di Malaysia. Penggunaan teknologi untuk berkomunikasi juga telah meluaskan konteks berkomunikasi kerana proses komunikasi bukan sahaja berlaku antara manusia dengan manusia malahan antara manusia dengan mesin (teknologi) dan juga mesin dengan mesin (Forouzan & Fegan, 2003). Teknologi komunikasi atau teknologi maklumat sangat membantu dalam memudahkan kerja seseorang untuk melaksanakan aktiviti atau sesuatu kerja dengan lebih efisien, cepat dan mudah (Farhad Nejadrahani et al. 2011).

Menurut Nurudin (2007), komunikasi massa adalah komunikasi melalui media massa iaitu media cetak dan media elektronik yang digunakan bagi menyampaikan maklumat kepada individu dan masyarakat dengan menggunakan teknologi. Media elektronik merangkumi televisyen, radio dan internet. Manakala, media cetak pula merangkumi akhbar, buku, majalah dan sebagainya. Media massa ini merupakan antara salah satu bentuk kemajuan teknologi dalam bidang informasi dan komunikasi. Ia menjadi media sepanjang masa untuk mendidik individu menjadi cerdas, membentuk pemikiran dan menjadi masyarakat yang maju.

Justeru, ia juga merupakan media maklumat iaitu media yang boleh menyampaikan maklumat kepada orang ramai pada bila-bila masa. Hal ini dijelaskan juga oleh Bungin (2006) bahawa media massa berperanan sebagai komunikasi pencerahan dalam menyampaikan maklumat di mana ia juga turut berperanan sebagai medium pendidikan. Melalui ini, ia menjadikan individu dan masyarakat lebih bermaklumat. Selain itu, ia juga berperanan sebagai media hiburan dan menjadi pemangkin kepada perkembangan budaya. Namun begitu, pengaruh media massa adalah berbeza-beza bagi setiap individu (Sohana, 2016). Ini kerana, terdapat perbezaan antara pemikiran, budaya, sifat yang memberikan impak kepada sikap, dan hubungan sosial setiap hari di mana ia boleh menyebabkan terjadinya perubahan sosial sama ada secara positif maupun negatif.

Seterusnya, perkembangan komunikasi massa ini juga telah wujud selama beratus-ratus tahun dahulu dan semakin berkembang pesat ketika memasuki zaman kewujudan mesin cetak. Pada mulanya mesin cetak hanyalah alat teknikal untuk menghasilkan rangkaian teks tetapi revolusi yang terjadi telah menerajui pengembangan produk komunikasi massa tersebut. Menurut McQuil (2011), media massa ini dicirikan kepada teknologi dan bentuk bahan, format dan genre, serta penggunaan dan susunan institusi. Beberapa produk media massa ialah seperti buku, surat khabar, filem, media penyiaran television dan radio.

Walaupun begitu, komunikasi konvensional masih tetap berlaku pada era media massa dan ia digunakan untuk menyampaikan atau menerima pesanan dan maklumat kepada masyarakat secara meluas. Komunikasi ini terbahagi kepada dua jenis iaitu komunikasi langsung dan komunikasi tidak langsung (Ratu, 2017). Komunikasi langsung ialah komunikasi yang terjalin secara langsung yang dilakukan oleh dua orang atau lebih di mana seseorang melakukan interaksi bertukar fikiran secara langsung. Komunikasi tidak langsung pula adalah komunikasi yang dilakukan dengan menggunakan perantara media cetak seperti surat khabar, majalah, kad undangan dan lain-lain. Namun begitu, ia juga boleh disalurkan melalui media penyiaran seperti televisyen dan radio.

Menurut, Charles (1999), kemajuan besar dalam teknologi media massa telah berlaku sepanjang dekad terakhir yang menjanjikan perubahan bentuk dan kekuatan media massa. Perubahan utama berkaitan dengan kemunculan media baharu adalah pendigitan dan penumpuan kepada semua aspek media, interaktiviti dan peningkatan penyambungan rangkaian, mobiliti dan peninggalan untuk mengirim dan menerima, serta penyesuaian dengan peranan penerbitan. Setelah media komunikasi konvensional berkembang, maka muncul pula media baharu yang menggunakan internet dan teknologi digital sebagai alat perhubungan. Media baharu ini berkembang dengan drastik setelah terjadinya kemajuan pesat dalam teknologi komunikasi khususnya pada teknologi digital dan internet. Media sosial, blog, dan website merupakan contoh aplikasi yang termasuk dalam media baharu sekali gus mencetuskan komunikasi digital di era media baharu.

Komunikasi digital adalah berbeza dengan komunikasi konvensional. Komunikasi digital mempunyai konsep yang sangat luas dan ia diibaratkan sebagai medan utama untuk berkongsi maklumat daripada individu kepada individu yang lain dan ia sangat memerlukan maklumat yang mewakili kawasan tersebut (Hj Mak Din et al. 2014). Hal ini menjelaskan bahawa dalam elemen komunikasi digital itu sendiri, berlaku aktiviti komunikasi dua hala. Pada era teknologi yang semakin berkembang ini, penggunaan komunikasi digital bukan sekadar untuk berhibur bahkan ianya turut memainkan peranan yang sangat signifikan dalam bidang pendidikan, pentadbiran, dan juga perniagaan (Abdul Talib et al. 2019). Sebagai contoh, multimedia pendidikan merupakan satu reka bentuk komunikasi atau mesej yang mengaplikasikan penggunaan teknologi canggih dalam pendidikan di mana bahan pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan mempunyai elemen-elemen multimedia seperti teks, grafik, animasi, simulasi, audio, dan video (Putra, 2018).

Manakala, komunikasi konvensional pula lebih menitikberatkan maklumat yang disampaikan melalui seseorang dan ia mengambil masa yang lama untuk mendapatkan maklumat tersebut berbanding dengan komunikasi digital yang lebih cepat dan mudah hanya melalui dalam talian. Sebagai contoh, maklumat yang dihantar dan diterima melalui surat lebih lambat dihantar dan diterima berbanding dengan menggunakan e-mel (surat elektronik). Namun, kaedah komunikasi konvensional masih juga relevan untuk dipraktikkan meskipun dunia kini lebih tertumpu kepada komunikasi baharu. Ini kerana, komunikasi tradisional secara bersemuka lebih berkesan dalam menerangkan atau menjelaskan sesuatu perkara selain daripada dapat mengubah persepsi terhadap sesuatu isu dalam kalangan masyarakat.

Teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang merupakan salah satu teknologi digital yang semakin berkembang dan digunakan secara meluas di seluruh dunia serta memberikan impak yang sangat besar kepada perubahan ekonomi dan sosial manusia di mana ia dapat membentuk satu kehidupan masyarakat masa depan yang lebih moden. Perkembangan teknologi ini juga memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat terutamanya di Malaysia kerana tanpa kemahiran teknologi, seseorang akan dilihat sebagai ketinggalan zaman dan tidak mengikuti trend semasa. Tambahan lagi, pada masa kini, gajet merupakan salah satu lambang yang menunjukkan status sesebuah masyarakat sama ada berteknologi tinggi ataupun tidak.

Pembangunan dalam dunia teknologi komunikasi berlaku dengan lebih pesat kerana kemunculan internet melalui aplikasi *World Wide Web* (William & Sawyer, 2011). Perkembangan ini kemudiannya menjadi semakin rancak apabila komunikasi satelit, teknologi digital, dan jaringan komunikasi global *fiber-optic* diperkenalkan (Goodall et al. 2010). Seterusnya, kemunculan perkhidmatan jalur lebar pula telah mengurangkan halangan yang disebabkan oleh jarak. Melalui kecanggihan teknologi, kini pelbagai bentuk komunikasi digital yang tersedia seperti e-mel, pesanan ringkas (SMS), *group chatting*, forum, blog dan pelbagai bentuk lain yang membolehkan seseorang individu untuk terus berhubung dengan orang lain pada bila-bila masa sahaja. Contohnya, penggunaan aplikasi seperti *Skype*, *Whatsapp call*, *WhatsApp video call*, dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu, gaya kehidupan masyarakat hari ini juga telah berubah seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin canggih. Penggunaan aplikasi seperti e-kerajaan, e-pendidikan, e-perbankan, e-dagang, e-sukan, e-filem dan sebagainya telah mendigitalkan masyarakat. Perkara ini turut berkembang kerana terdapatnya kemudahan infrastruktur jalur lebar yang telah dipertingkatkan oleh kerajaan dari masa ke semasa. Oleh yang demikian, dunia kini juga telah berubah sejajar dengan perubahan teknologi yang telah menjadi sebahagian daripada keperluan asas dalam kehidupan semasa.

Selain itu, teknologi digital juga telah mewujudkan pengasuhan digital di mana kebanyakan ibu bapa masa kini memberikan pengasuhan digital kepada anak mereka. Pengasuhan digital telah menjadi salah satu keperluan yang sangat penting bagi ibu bapa untuk menjaga anak hanya dengan memberikan peranti digital, penggunaan wifi, dan kandungan aplikasi kepada anak bagi memenuhi keperluan proses pengasuhan. Ini kerana, kemunculan pengasuhan digital dalam kalangan masyarakat yang bermaklumat ini telah membawa kepada satu dimensi baru di mana maklumat itu sendiri adalah sumber yang strategik, suatu yang berbentuk pelaburan dan merupakan asas kepada setiap aktiviti manusia.

Justeru, ramai ibu bapa yang menjadikan pengasuhan digital sebagai medium pengasuhan anak melalui penggunaan peranti digital. Ini kerana, pengasuhan digital lebih memberikan peluang dan ruang kepada ibu bapa dalam memudah kerja mereka mengasuh anak melalui pengasuhan yang interaktif dan menghiburkan kanak-kanak. Fenomena ini telah menjadi salah satu transformasi terhadap pengasuhan kepada kanak-kanak. Jika sebelum ini ibu bapa akan menjaga dan mengasuh anak dengan pengasuhan konvensional atau cara yang

sewajarnya, namun pada masa kini mereka menggunakan peranti digital untuk mengasuh anak bagi lebih memudahkan kerja sehari-hari.

## **PENGASUHAN DIGITAL**

Umumnya, pengasuhan didefinisikan sebagai kaedah atau cara ibu bapa dalam membesarakan anak. Ibu bapa mempunyai cara atau amalan, kemahiran, dan keterampilan tersendiri dalam memberikan pengasuhan kepada anak mereka. Ia merangkumi aspek mendidik, memberi pelajaran dan membesarakan anak dengan penuh kasih sayang. Hal ini disokong oleh Netty (2015) yang mendefinisikan pengasuhan sebagai merawat, mendidik, menjaga, membimbing, melatih dan membantu kanak-kanak untuk membesar. Selain itu, pengasuhan juga bermaksud memberikan pelajaran, pendidikan dan bimbingan dalam konteks memerhati, menjaga serta mengawal perkembangan fizikal, mental, sosial, dan emosi.

Selain itu, pengasuhan ibu bapa juga mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan perkembangan kendiri anak. Menurut Agustiawati (2014), pengasuhan adalah sikap yang dipilih oleh ibu bapa dalam proses membesarakan anak mereka dengan memberikan perhatian, hukuman, hadiah, dan cara ibu bapa menunjukkan kuasa. Ibu bapa yang mempraktikkan pengasuhan yang bersesuaian akan mudah membentuk anak mereka supaya menjadi seseorang yang berkeyakinan. Seseorang anak mempunyai daya tindak yang sangat tinggi terhadap cabaran yang dilalui dalam kehidupan mereka. Sejajar dengan itu, pendidikan yang bersesuaian akan memberikan kesan yang sangat positif kepada gaya hidup mereka apabila melangkah ke alam dewasa kelak. Mereka juga akan mampu membentuk peribadi yang unggul hasil didikan yang sempurna dan bersesuaian daripada ibu bapa. Oleh itu, proses awal mendidik dan mengasuh anak juga perlu diberikan perhatian dari segi aspek perkembangan fizikal (Charlesworth, 2014) kerana corak kemahiran mengasuh mempengaruhi perkembangan fizikal anak (Abdurrahman, Asmawi, & Sari, 2012) semasa dalam proses pembesaran.

Teknologi komunikasi hari ini pula telah menyediakan platform untuk berhubungan dengan dunia luar seperti peranti digital yang digunakan untuk berhubung dan berkomunikasi walaupun dari jarak jauh. Perkataan digital berasal daripada bahasa Yunani *digitus* yang bermaksud jari jemari. Perkataan digital merujuk kepada sesuatu yang menggunakan digit terutamanya digital binari dan dalam konteks ini, digital sering digunakan dalam pengkomputeran dan elektronik. Namun begitu, Clark (2011) menyatakan bahawa digital juga merujuk kepada penggunaan peranti seperti telefon bimbit dan komputer riba dengan sambungan internet atau peranti elektronik seperti televisyen, permainan video dan muzik.

Pada zaman kini, dunia digital sedikit sebanyak telah mengubah landskap kehidupan sesebuah keluarga. Ibu bapa sering menggunakan peranti digital untuk mencari maklumat, menerima informasi, berinteraksi, dan berhubung dengan anak mereka. Disebabkan itu, peranti digital ini perlu difikirkan semula penggunaan bagi memastikan ia digunakan dengan cara yang betul terutamanya kepada ibu bapa dan anak. Hal ini bagi memastikan penggunaannya tidak disalahgunakan kerana media digital juga boleh menjadi cara yang berguna untuk menyediakan pendidikan kepada ibu bapa dalam mempengaruhi pengasuhan digital terhadap perkembangan anak mereka.

Pengasuhan digital bermaksud ibu bapa memberikan peranti digital kepada anak ketika proses pengasuhan berlangsung (Arindya, 2020). Dalam pengasuhan digital, ibu bapalah yang mencorakkan amalan pengasuhan digital kepada anak mereka. Ini kerana, seseorang anak lebih mudah terpengaruh dengan cara atau amalan yang diberikan oleh ibu bapa. Perkara ini disokong oleh Buijzen & Valkenburg (2005) yang mengatakan bahawa ibu bapalah yang mempengaruhi kelakuan anak bermula dari saat mereka dilahirkan. Ini kerana, mereka merupakan sebahagian daripada sistem yang saling berkaitan secara biologi yang menyokong

proses sosialisasi anak (Bugental & Grusec, 2006). Tambahan lagi, ibu bapa sering dimotivasikan dengan hubungan yang kuat untuk mengendali dan menjadi pengantara tingkah laku anak bagi perkara sosial dan situasi baru kerana mereka merupakan orang yang paling berpengaruh dalam pembangunan peribadi, emosi dan sosialisasi anak mereka sendiri (Snock, Nikken & de Haan, 2013).

Ibu bapa memberikan pengasuhan digital agar dapat menyalurkan manfaat kepada anak mereka seperti pendidikan media. Selain itu, ianya juga memudahkan ibu bapa melaksanakan tugasan harian di rumah tanpa diganggu oleh anak. Namun begitu, dalam pengasuhan digital ini juga, ibu bapa perlu memberikan batasan yang jelas kepada anak mengenai perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan ketika menggunakan peranti digital (Yulia, 2015). Di sini juga, ibu bapa perlu mengambil tanggungjawab utama untuk membimbing pengasuhan digital anak mereka dengan cara memastikan adanya batasan dalam tingkah laku anak ketika menggunakan peranti digital seperti melayari internet. Ini kerana, mediasi pengasuhan yang betul terhadap pengasuhan digital akan memberikan kesan yang positif terhadap perkembangan anak seperti dapat meningkatkan kemahiran kognitif dan komunikasi (Aina' & Hapsah, 2020).

## BUDAYA KOMUNIKASI TERHADAP PENGGUNAAN PERANTI DIGITAL

Komunikasi merupakan kewajipan yang perlu dilakukan oleh setiap orang untuk menyampaikan maklumat dan bertukar pendapat. Ia boleh dilakukan melalui pelbagai cara dan keadaan bergantung kepada peredaran zaman. Tidak dinafikan bahawa tempat seperti persekitaran pembelajaran, pekerjaan, rumah mahupun tempat berurusan sehari-hari menjadikan komunikasi sangat penting dalam kehidupan seseorang manusia. Walau bagaimanapun, teknologi yang berkembang pesat masa kini telah mengubah cara manusia untuk berkomunikasi dan berinteraksi antara satu sama lain (Lee-Post, 2009). Peranti digital seperti telefon bimbit, tablet dan sebagainya yang merupakan alat sofistikated, dinamik dan bersifat mudah alih telah memberi ruang kepada penggunaannya untuk mendapatkan akses maklumat tidak kira masa dan tempat. Kapasiti telefon bimbit yang mampu beroperasi seperti komputer pula telah memberi banyak kemudahan kepada pengguna sekali gus meningkatkan cara dan tujuan penggunaanya (Lay-Yee et al. 2013).

Sejajar dengan perkembangan teknologi digital, ia telah mengubah cara, sikap dan budaya komunikasi antara ibu bapa dan anak. Kini, ibu bapa menggunakan peranti digital sebagai medium pengasuhan kepada anak mereka (Harian Metro, 2017). Cara pengasuhan ini dikenali sebagai pengasuhan digital, di mana ibu bapa memberikan peranti digital kepada anak mereka ketika memberikan pengasuhan. Melalui cara ini, secara tidak langsung telah mengubah dan mempengaruhi gaya kehidupan ibu bapa untuk menjaga anak. Pada zaman dahulu, ibu bapa akan menjaga dan mengasuh anak dengan cara berbual-bual, bermain bersama, belajar bersama dan sebagainya. Namun, pada zaman mutakhir ini mereka menggunakan peranti digital sebagai medium pengasuhan anak.

Peranti digital menjadi pilihan sebagai medium pengasuhan kerana di dalamnya, terkandung pelbagai jenis aktiviti menarik seperti muzik, permainan video, animasi kartun, filem, akademik dan sebagainya. Kandungan ini akan menarik minat kanak-kanak untuk menggunakan peranti digital. Disebabkan manfaat yang terdapat di dalamnya seperti manfaat pendidikan dan sebagainya, secara tidak langsung ia dapat menarik minat ibu bapa untuk memberikan pengasuhan digital kepada anak mereka. Tambahan lagi, ianya juga dapat memudahkan ibu bapa dalam melaksanakan tugasan harian di rumah. Justeru, pengasuhan digital telah menjadi satu budaya dalam kalangan ibu bapa bagi mendidik anak yang berusia seawal enam bulan hingga lima tahun (Rusyidatul, 2020).

Namun, sesuatu perkara yang dicipta pasti akan mendatangkan kebaikan dan keburukan. Kesan daripada pengasuhan digital, ia menyebabkan interaksi antara ibu bapa dan anak semakin berkurangan serta agak sukar untuk terlibat dalam komunikasi dua hala. Disebabkan itu juga, budaya berkomunikasi antara ibu bapa dan anak telah berubah dengan hanya kebanyakan daripada mereka hanya memfokuskan diri dengan hiburan atau kandungan media yang terdapat dalam peranti digital. Oleh itu, pengasuhan digital ini memerlukan satu amalan mediasi pengasuhan yang berkesan iaitu mediasi aktif.

## **KESIMPULAN**

Perkembangan pesat teknologi maklumat komunikasi masa kini telah mengubah corak pengasuhan ibu bapa terhadap anak mereka di mana mediasi aktif yang baik dalam pengasuhan digital akan memudahkan proses mengasuh anak dengan menggunakan peranti digital. Ini menunjukkan bahawa dalam konteks kekeluargaan yang mungkin berbeza-beza dari segi pengurusan, persekitaran dan sebagainya, peranan mediasi aktif iaitu komunikasi yang efektif akan memberikan pengasuhan digital yang positif terhadap kanak-kanak.

Mediasi aktif terhadap komunikasi seperti perbincangan, perbualan, percakapan, dan berdialog adalah selari dengan andaian yang dikemukakan oleh teori mediasi pengasuhan. Selain itu, mediasi aktif juga merupakan salah satu perkara penting untuk menyokong komunikasi yang baik terhadap kanak-kanak seawal usia enam bulan serta institusi kekeluargaan. Teori pengasuhan yang mengutarkan faktor ibu bapa memilih amalan mediasi pengasuhan adalah rujukan terhadap peranan aktif dalam mengurus dan mengawal anak yang menggunakan peranti digital. Melalui komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan anak, secara tidak langsung ia boleh menjana maklumat yang diperlukan dalam perkembangan hidup anak. Bagi membangunkan komunikasi yang baik pula, ia memerlukan peranan ibu bapa dalam menerapkan amalan mediasi aktif sebelum atau semasa memberikan pengasuhan digital kepada anak mereka.

Dalam pelbagai bentuk amalan mediasi pengasuhan, mediasi aktif adalah bentuk amalan pengasuhan yang terpenting kerana ia merupakan amalan yang melibatkan komunikasi ibu bapa dalam menyampaikan sesuatu maklumat kepada anak. Oleh itu, ibu bapa perlu memahami konsep dan cara amalan mediasi aktif bagi menjadikan komunikasi mereka dengan anak adalah baik dan berkesan pada sebelum atau semasa pengasuhan digital diberikan. Ini kerana, jika ibu bapa tidak memahami amalan ini ketika memberikan pengasuhan digital, ia akan mengundang kesalahfahaman anak terhadap arahan dan maklumat yang disampaikan. Disebabkan itu, tidak mustahil ia akan menyebabkan mereka memberontak dan ketagihan dalam penggunaan peranti digital.

Kesimpulannya, tidak dapat dinafikan bahawa sebahagian besar daripada kepintaran dan kebijaksanaan seseorang anak dalam menggunakan peranti digital dengan baik adalah berhubung kait dengan keberkesaan mediasi pengasuhan iaitu mediasi aktif yang baik di mana ianya selaras dengan pandangan sarjana seperti Austin, Robert dan Nas (1990). Dengan ini, ia juga membentarkan pandangan para sarjana komunikasi yang menekankan bahawa komunikasi perlu menjadi teras kehidupan dalam hubungan kekeluargaan kerana komponen utama dalam komunikasi adalah pengaliran maklumat, komunikasi dan interaksi kemanusiaan. Justeru, mediasi aktif merupakan perkara penting untuk diamalkan dalam pengasuhan digital melalui mediasi pengasuhan supaya perkembangan kanak-kanak seawal usia enam bulan sehingga lima tahun ke atas lebih terjamin.

## **RUJUKAN**

- Abdurrahman, M., Asmawi, M. & Sari, E. F. N. (2012). Pengaruh pola asuh orangtua dan kemampuan mengajar guru Pendidikan jasmani terhadap ketrampilan gerak dasar. *Pendidikan Anak Usia Dini*. 6, 12-25.
- Abdul Talib, N. S., Awang, M. M., Abdul Ghani, K., & Yusuff, N. A. (2019). Penggunaan multimedia dalam mata pelajaran sejarah. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 2(2), 1-13
- Adnan Hussein & Kamaliah Hj. Siarap. (2000). Penggunaan teknologi komunikasi-informasi dikalangan ahli akademik di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. 16, 119-130.
- Agustiawati Isni. (2014). *Pengaruh pola asuh terhadap prestasi belajar siswa pada mata pelajaran akuntasi kelas Xl di SMA negeri 26 Bandung*. Universitas Pendidikan Indonesia.
- Albaran, A. B. (2004). Media economic. In J. D. H. Downing, D. McQuail, P. Schlesinger & E. Wartella. (Ed.). *The SAGE Handbook of Media Studies*. Thousand Oaks, California: SAGE.
- Al-Barashdi, H. S., Buoazza, A., & Jabur, N. H. (2015). Smartphone addiction among university undergraduates: A literature review. *Journal of Scientific Research & Report*. 4(3), 210-225.
- Andy, Warwick. (2007). *Internet posting*. <http://www.43folder.com/2007/01/11/osx-app-developers-iphone/>. Dlm *Mobile Technologies from telecommunication to media*. Edt Gerard Goggin & Larissa Hjorth. (2009). Madison Ave, New York.
- Aina' Rasyidah Samsuddin & Hapsah Md Yusof. (2020). Penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan awal kanak-kanak kebangsaan*. Vol9, 113-126.
- Austin, E. W., Robert, D., & Nass, C. (1990). Influences of family communication on children's television-interpretation process. *Communication Research*. Vol17, 545-564.
- Arindya Yulia Fitri Rodhiya. (2020). What We Talk About When We Talk About: "Digital Parenting" *Psikobuletin: Buletin Ilmiah Psikologi*. Vol1(1), 29-37.
- A. Razak Ahmad. (2011). Kepentingan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Diakses September16, 2020 dari <http://www.flaskkitech.com/?p=501>
- Beck, R. J., & Wood, D. (1993). The dialogic socialization of aggression in a family's court of reason and inquiry. *Discourse Processes*. 16(3), 341-363.
- Buijzen, M., & Valkenburg, P. M. (2005). Parental mediation of undesired advertising effect. *Journal of Broadcasting & Electronic Media*. 49(2), 153-165.
- Bugental, D. B., & Grusec, J. E. (2006). Socialization Theory. In N. Eisenberg (Vol. Ed.). *Handbook of Child Psychology: Vol. 3. Social, Emotional, and Personality Development* (pp. 366-428). New York: Wiley.
- Bungin, Burhan. (2006). *Sosiologi Komunikasi: Teori, Paradigma, Dan Diskursus Teknologi Komunikasi di Masyarakat*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Bloom, B. (1964). *Stability and change in human characteristics*. New York: John Wiley & Sons.
- Brody, E. W. (1990). *Communication Tomorrow: New Audiences, New Technologies, New Media*. New York: Prager.
- Charlesworth, R. (2014). *Understanding Child Development*. (4<sup>th</sup> Ed).Wadsworth Cengage Learning.
- Charles, R. W. (1999). Write: *Mass Communication, A Sociological Perspective*. New York: Random House. (pp.11).
- Chen, V. H. H., & Chng, G. S. (2016). Active and restrictive parental mediation over time: Effects on youths' self-regulatory competencies and impulsivity. *Computer Education*. 98, 206-212.

- Clark, L. S. (2011). Parental mediation theory for the digital age. *Communication Theory: International Communication Association*. 21, 323-343.
- Creeber, G., & Martin, R. (2008). *Introduction, In Gleen Creeber & Royston Martin*. (Ed.). *Digital Cultures: Understanding new media*. New York, USA: McGraw-Hill Education.
- Doherty & Brennan. (2008). *Physical education and development*. London: Routledge.
- Goodall, H. L., Goodall, S., & Schiefelbein, J. (2010). *Business and Professional Communication in The Global Workplace*. Boston. Wadsworth.
- Farhad Nejadirani, Reza Rasouli and Masoud Behravesh. (2011). The effect of applying information technology on efficiency of parks and green space organization: a case study. *Middle-East Journal of scientific Research*. 10(2):224-232.
- Feather, J. (2008). *The information society: A Study of Continuity and Change* (5<sup>th</sup> Ed.). London: Facet Publishing.
- Forouzan, B. A & Fegan, S. C. (2003). *Data Communication and Networking*. (4<sup>th</sup> Ed.). New York: McGraw-Hill.
- Harmeet Sawhney. (2009). Innovation at the Edge. The impact of Mobile Technologies on the Character of the internet. *Dlm Mobile Technologies from Telecommunication to Media*.
- Edt Gerard Goggin & Larissa Hjorth. (2009). Madison Ave, New York.
- Harian Metro. (2017. Oktober 20). Pengasuhan Digital. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/hati/2017/10/274963/pengasuhan-digital>
- Hesmondhalgh, D. (2013). *The Ccultural Industries*. (3<sup>rd</sup> Ed.). London: SAGE.
- Holmes, D. (2005). *Communication Theory: Media, Technology and Society*. London: SAGE Publications.
- Hong, F. Y., Chiu, S. I., Huang, D. H. (2012). A model of the relationship between psychological characteristics, mobile phone addiction and use of mobile phones by Taiwanese University female students. *Computer in Human Behavior*. 28, 2152-2159.
- Hoover, S., Clark, L.S., & Alter, D. (2004). *Media, Home & Family*. New York: Routledge.
- Hj Mak Din, H. A., Zainal Arifin, A. N., & Mohamed Masrop,N. A. (2014). Permainan Pendidikan Digital: Satu Kajian Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Sulaiman Shah*. 1, 20-27.
- In, L. (2007). What is E-business? How the internet transforms organization. *International Journal of E-business Research*. 3(2), 83-84.
- Isaacs, A., & Koerner, A. (2008). Linking familial typologies: An investigation of the relationship between parenting style and family communication patterns. *Presented to the International Communication Association*. Montreal.
- Kucirkova, N., D. Messer, K. Sheehy, & Panadero, C. F. (2014). Children engagement with educational ipad Apps: Insight from a Spanish Classroom. *Computer & Education*. 71, 175-184.
- Lay-Yee, K. L., Kok-Siew, H., Chan Yin-Fah, B. (2013). Factors affecting smartphone purchase decision among Malaysia generation Y. *International Journal of Asian Social Science*. 3(12), 2426-2440.
- Lee-Post, A. (2009). ‘e-Learning Success Model: An information system perspective. “*Electronic Journal of e-learning*. 7(1).
- Livingstone, S., & Helsper, E.J. (2008). Parental mediation of children’s Internet use. *Journal of Broadcasting & Electronic Medi*. 52(4), 581–599.
- Livingstone, S., Olafsson, K., Helsper, E. Lupianez-Villanueva, F., Veltri, G. A. and Folkvord, F. (2017). Maximizing opportunities and minimizing risks for children online: The role of digital skills in emerging strategies of parental mediation. *Journal of Communication*. 67(1), 82-105.

- Lopez de Ayala Lopez, MC & Haddon, L. (2018). *The parental mediation strategies of parents with young children*. Media and communication: Media@ LSE working paper series.
- McQuail, D. (2011). *McQuail's Mass Communication Theory*, (6<sup>th</sup> Ed.) London: Sage Publication.
- McGowan. (2016). A summary of Literatur: Benefits and harms associated with screen use in children under 5. *Prepared for the Canadian Paediatric Society's Digital Health Task Force*.
- Netty Dyah Kurniasari. (2015). Pola pembelajaran dan pengasuhan Pendidikan anak usia dini di Paud Madura. *Komunikasi*. Vol. IX, 113-118.
- Nurudin. (2007). *Pengantar Komunikasi Massa*. PT RajaGrafindo Persada.
- Noryusmania Junaidi. (2012). Persekutaran pembelajaran yang responsif untuk bayi dan kanak-kanak. Tesis. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pavlik, J.V. (1996). *New Media Technology: Cultural and Commercial perspectives*. US: Allyn and Bacon.
- Poster, M. (1995). *The Second Media Age*. Cambridge: Polity Press.
- Putra, C.A. (2018). Pemanfaatan Teknologi Multimedia untuk Media Instruksional. *Journal of ICT in Education (JICTIE)*. 5, 1-8.
- Ratu Mutialela Caropeboka. (2017). *Konsep dan aplikasi ilmu komunikasi*. (Ed). Yogyakarta: ANDI.
- Rideout, V. J., Lauricella, A., & Wartella. (2011). Children, media, and race: Media use among white black, Hispanic and Asian American Children. Evanston, IL: Center on Media and Human Development, School of Communication, Northwestern University.
- Rusmailani Ad. Aziz dan Fatimah Yusoff. (2013). Perkembangan kognitif awal kanak-kanak: Perbandingan antara Taska. Persidangan psikologi. UKM.
- Rusyidatul Mat Yaacob. (2020). Ketagihan internet dalam kalangan kanak-kanak. *Wacana kebajikan Johor siri 1: Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Johor*. 3,18-21.
- Safinah Ismail, Nazneen Ismail, Noraini Mohamad, Nur Damia Husna Nor Sad & Sharifah SArii Datu Asal. (2019). Bentuk komunikasi ibu bapa dalam dakwah menurut perspektif Al-Quran. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*. Vol8, 19-25.
- Sasson, H., & Mesch, G. S. (2019). Parental Mediation. *The International Encyclopedia of Media Literacy*. 1(6).
- Sohana Abdul Samad. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*. 1, 214-226.
- Sonck, N., Nikken, P. & de Haan, J. (2013). Determinants of Internet mediation: A comparison of the reports by Dutch parents and children. *Journal of Children and Media*. 7, 96–113.
- Subrahmanyam, K., & Greenfield, P. (2008). Online communication and adolescent relationships. *The Future of Children*. 18(1), 119-146.
- Schaan, V. K. & Melzer, A. (2020). Parental mediation of Children's television and video game use in Germany: Active and embedded in family processes. *Running head: Parental mediation and family processes*. 1-35.
- Van Dijk, J. (2006). *The Network Society: Social Aspects of New Media*. (2<sup>nd</sup> Ed.). London: Sage Publication.
- Weinberg, D. (2012). Smartphone features. Diakses September 8, 2018 <http://techtips.salon.com/Smartphonefeatures-179.html>
- William, B. K & Sawyer, S. C. (2011). *Using Information Technology: A practical Introduction to Computers & Communications*. New York: McGraw Hill.
- Wonsun Shin, Jisu Huh, & Ronald, J. Faber. (2012). Tweens' Online privacy Risks and the role parental mediation. *Journal of broadcasting & Electronic media*. 56(4), 632-649.

Yulia Palupi. (2015). Digital Parenting sebagai wahana terapi untuk menyeimbangkan dunia digital dengan dunia nyata bagi anak. Seminar Nasional Universitas PGRI Yogyakarta.

### Biodata Penulis

*Dayangku Egawaty Binti Awang Yusof* merupakan pelajar pascasiswazah Doktor Falsafah di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Chang Peng Kee* adalah Profesor Madya dan pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga memegang jawatan sebagai pengarah Pusat Pembangunan Karier (*Career Advancement Center*), Universiti Kebangsaan Malaysia.

*Mohd Azul Mohammad Salleh* (PhD) adalah pensyarah kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Kepakaran beliau adalah media baharu dan teknologi komunikasi.

*Rachel Chan Suet Kay* (PhD) adalah pensyarah Kanan di Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau juga memegang jawatan sebagai pengurus bagi jawatankuasa Penerbitan KITA, Universiti Kebangsaan Malaysia.